

Projek ECRL Memperkasa Kontraktor Bumiputera Gred G1 dan G2

Kota Bharu, 23 Oktober: Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) berjaya membuka peluang kepada kontraktor kecil Bumiputera yang memenuhi syarat kelayakan CIDB gred G1 dan G2 untuk bersama-sama membangunkan kerja-kerja berkaitan sekitar 20 stesen di sepanjang jajaran relnya yang merentasi negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor.

Sebagai usaha berterusan untuk memperkukuh penyertaan kontraktor tempatan dalam Projek ECRL, Kerajaan Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor, dengan kerjasama Pertubuhan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM), telah mencadangkan sejumlah 4,709 syarikat kontraktor Bumiputera gred G1 dan G2 bagi tujuan penilaian tender awal.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 448 kontraktor kecil Bumiputera telah disenarai pendek melalui proses saringan yang telus dan berintegriti, bagi memastikan peluang penyertaan diagihkan secara adil dan saksama.

Seterusnya, Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL) selaku pemilik projek, bersama China Communications Construction (ECRL) Sdn. Bhd. [CCC(ECRL)] selaku kontraktor utama, telah memperluas proses penilaian tender dengan mempelawa 348 syarikat kontraktor tempatan untuk mengambil bahagian dalam kerja-kerja berkaitan pembinaan stesen ECRL.

Hasil daripada proses penilaian tersebut, sebanyak 85 kontraktor Bumiputera gred G1 dan G2 yang berdaftar di negeri-negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang telah berjaya dipilih untuk menyertai Majlis Cabutan Undi Pakej Kerja Bumiputera. Majlis ini merangkumi pelaksanaan pakej-pakej kerja kecil seperti pemasangan papan tanda, penyediaan perabot jalan, pemasangan pagar, serta kerja-kerja pengurusan landskap (*turfing*) di 15 stesen ECRL yang terletak di jajaran Pantai Timur.

Langkah ini sekali lagi menzahirkan komitmen MRL dan CCC(ECRL) untuk memperkukuh penyertaan kontraktor Bumiputera tempatan, di samping memastikan manfaat ekonomi Projek ECRL turut dirasai secara langsung oleh masyarakat setempat.

Justeru, satu majlis cabutan undi telah berlangsung di Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan pada hari ini bagi memuktamadkan pemilihan kontraktor Bumiputera G1 dan G2 dalam melaksanakan skop kerja yang bersesuaian di 2 stesen ECRL di negeri Kelantan. 'Majlis Cabutan Undi Pakej Kerja Sub-Kontraktor Bumiputera G1 dan G2 bagi Projek ECRL di Negeri Kelantan' telah disempurnakan oleh Setiausaha Kerajaan Kelantan, YBM Tengku Kaya Perkasa Dato' Dr Tengku Mohamed Faziharudean Al-Haj b. Tengku Feissal.



Bagi tujuan yang sama, majlis cabutan undi yang melibatkan 6 stesen ECRL di negeri Terengganu akan diadakan pada 29 Oktober di Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu manakala majlis cabutan undi yang merangkumi 7 stesen ECRL di negeri Pahang dijadualkan berlangsung pada 30 Oktober di ECRL Basecamp KotaSAS.

Proses menyenarai pendek kontraktor Bumiputera gred G1 dan G2 yang melibatkan negeri Selangor pula masih berjalan dan dijangka siap pada masa terdekat. Majlis cabutan undi yang melibatkan 5 stesen ECRL di negeri Selangor dijangka akan berlangsung menjelang akhir November 2025.

MRL dan CCC(ECRL) turut merakamkan penghargaan kepada agensi dan jabatan kerajaan termasuk Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Kelantan, Terengganu dan Selangor, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) Pahang, Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta PKMM negeri-negeri berkenaan atas kerjasama menyemak dan menyenaraikan kontraktor Bumiputera G1 dan G2 yang berpotensi bagi membolehkan proses tawaran tender dan majlis cabutan undi berkaitan pembangunan Projek ECRL diadakan.

Ketua Pegawai Eksekutif MRL, Dato' Sri Darwis Abdul Razak, berkata majlis cabutan undi untuk para kontraktor Bumiputera G1 dan G2 mencerminkan sokongan dan komitmen Projek ECRL menyantuni kontraktor kecil Bumiputera dalam fasa pembinaan infrastruktur nasional ini yang merangkumi 20 stesen di sepanjang jajaran relnya dari Kota Bharu hingga Pelabuhan Klang.

"MRL dan CCC(ECRL) telah memperteguh usaha dalam membolehkan nilai kontrak projek mega ini akan sedikit sebanyak memberi manfaat dan impak positif kepada kontraktor kecil Bumiputera yang berkebolehan di sepanjang jajaran ECRL. Penglibatan kontraktor kecil Bumiputera juga akan memperkasa bakat tenaga kerja mahir yang dapat memacu masa hadapan industri pembinaan di Malaysia serta menyokong kelangsungan kumpulan kontraktor Bumiputera," katanya.

Dato' Sri Darwis memaklumkan bahawa MRL dan CCC(ECRL) akan terus bekerjasama dengan pihak berkepentingan dalam memastikan sebanyak mungkin nilai kontrak bagi kontraktor kecil Bumiputera sehingga tamat fasa pembinaan ECRL, selari dengan hasrat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri dalam mengutamakan penyertaan kontraktor tempatan serta Bumiputera dalam pembinaan Projek ECRL yang sepanjang 665 km.

ECRL adalah projek infrastruktur bernilai RM50.27 bilion oleh Kerajaan Malaysia yang telah diterima pakai sebagai sebahagian daripada 'Inisiatif Jalur dan Laluan' (BRI) oleh Kerajaan China, unjuran dari hubungan diplomatik yang padu serta aktiviti ekonomi yang aktif antara Malaysia dan China. MRL dan CCC(ECRL) telah mencapai persetujuan bahawa pembinaan projek mega ini turut melibatkan 40 peratus penyertaan kontraktor tempatan dalam kerja-kerja sivil yang dianggarkan bernilai hingga RM10.8 bilion.



Pembinaan Projek ECRL sepanjang 665 kilometer telah mencatat kemajuan keseluruhan sebanyak 88.08 peratus setakat September 2025, sejajar dengan jadual penyiapan jajaran ECRL Fasa 1 dari Kota Bharu ke Terminal Bersepadu Gombak menjelang Disember 2026 dan mula beroperasi pada Januari 2027. Jajaran ECRL Fasa 2 antara Gombak dan Pelabuhan Klang dijangka siap menjelang Disember 2027 dan beroperasi sepenuhnya pada Januari 2028.

-Tamat-

Disediakan oleh Jabatan Komunikasi Korporat Malaysia Rail Link Sdn Bhd. Untuk pertanyaan media, sila hubungi: Yong Min Wei di (03-6411 5800 smbg. 5835 / mwyong@mrl.com.my), Ani Azureen Zainuddin di (03-6411 5800 smbg. 6122 / azureen@mrl.com.my) atau Puteri Hadeeja Sofea Hasbullah di (03-6411 5800 smbg. 6084 / hadeeja.sofea@mrl.com.my).